

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN

- Berkhidmat secara tetap;
- Telah disahkan dalam pskim perkhidmatan semasa pada tarikh tutup permohonan;
- Umur tidak melebihi 46 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 44 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
- Mencapai **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalendar yang terkini berturut-turut (2006, 2007 & 2008)**;
- Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- Telah mengisytiharkan harta;
- Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
- Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 (*jika berkenaan*);
- Bagi calon yang telah mengikuti **kursus jangka pendek di luar negara** dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara **mestilah melepasi genap satu tahun** tamat kursus jangka pendek berkenaan. Bagi calon yang telah mengikuti **kursus jangka panjang di luar negara** dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara mestilah **melepasi genap dua tahun** tamat kursus jangka panjang berkenaan;
- Perlu mengisi borang :
 1. Borang JPA (L) LDP 1A/96
 2. Borang JPA (L) LDP 1B/96 (Pin. 1/ 2003)
 3. Borang pengesahan kursus
- Setiap borang yang telah lengkap diisi mestilah dihantar **melalui Jabatan/Kementerian** masing-masing kepada JPA **bersama-sama dengan salinan borang permohonan *Online* (1 salinan)**; dan
- Adalah diingatkan juga, sekiranya tuan/puan berjaya ditawarkan penajaan, **Jabatan ini hanya akan mengeluarkan surat tawaran `Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan Hadiah Latihan (Tajaan Asing)` sahaja** kerana pembiayaan sepanjang pengajian adalah di bawah **tajaan sepenuhnya oleh pihak penaja**.

****Borang JPA (L)LDP 1A/96 ini perlu diisi oleh JAWATANKUASA LATIHAN di Jabatan/Kementerian masing-masing.***